



SIARAN MEDIA

KPKT LULUS PERUNTUKAN RM2 JUTA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA PASAR SEMENTARA PASAR PASIR PINJI DAN NAIK TARAF PASAR BESAR IPOH, PERAK

IPOH, 14 Januari 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi membina Pasar Sementara Pasar Pasir Pinji dan menaik taraf Pasar Besar Ipoh, Perak. Perkara ini telah dimaklumkan oleh YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan semasa siri *walkabout* beliau ke Pasar Besar Ipoh dan Pasar Pasir Pinji, Ipoh, Perak hari ini.

Dalam lawatan tersebut, YB KM telah menyerahkan surat kelulusan Projek Pembinaan Pasar Sementara Pasar Pasir Pinji dan surat kelulusan Projek Naik Taraf Pasar Besar Ipoh kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sebagai penempatan tapak perniagaan sementara buat 229 peniaga sehinggalah siap pembinaan Pasar Pasir Pinji yang baharu kelak. Pelaksanaan projek bernilai RM1 juta ini akan memberi kemudahan dan manfaat kepada para peniaga dan pengunjung pasar khususnya penduduk setempat. Manakala, projek naik taraf Pasar Besar Ipoh yang turut bernilai RM1 juta akan melibatkan kerja-kerja baik pulih lantai pasar basah dan kerja-kerja yang berkaitan.

Siri *walkabout* ini turut dihadiri oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Dato' Haji Noor-Ihsan bin Haji Che Mat, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; YBhg. Dato' Rumaizi bin Baharin @ Md. Daud, Datuk Bandar Ipoh; YB Howard Lee Chuan How, Ahli Parlimen Ipoh Timur; YB En. Goh See Hua, ADUN Pasir Pinji serta Pengurusan Tertinggi KPKT.

Pasar Pasir Pinji yang berusia lebih daripada 50 tahun ini merupakan pasar lama yang uzur dan daif. Justeru, pembangunan semula pasar ini secara amnya, dapat menyumbang kepada peningkatan tahap sosio-ekonomi dan kualiti hidup masyarakat setempat. Selain itu juga, pembangunan semula ini dapat meningkatkan kualiti serta taraf kemudahan pasar dan perkhidmatan awam yang berkaitan, menyediakan persekitaran yang lebih selesa dan

ruang parkir kenderaan yang mencukupi kepada para peniaga dan pengunjung pasar serta mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan pasar.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersedia untuk menimbang permohonan bagi membina semula pasar-pasar awam kepada Majlis Bandaraya Ipoh. Untuk makluman, Majlis Bandaraya Ipoh telah melaksanakan kerja-kerja naik taraf Pasar Tanjung Rambutan pada tahun 2013 dan Pasar Ayam dan Parkir Bertingkat Ipoh pada tahun 2017. Diharapkan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan naik taraf Pasar Pasir Pinji dan Pasar Besar Ipoh ini akan memberi manfaat dan kebaikan kepada seluruh penduduk setempat.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

